

01 JUL 1999

Mahathir-Kukuh

MAHATHIR AJAK RAKYAT PASTIKAN KEMENANGAN BN

KEPALA BATAS, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat memastikan Barisan Nasional menang pada pilihan raya umum akan datang supaya kemajuan pembangunan dan keharmonian yang dinikmati sekarang, kekal.

"Pastikan kerajaan yang kukuh dapat terus memerintah negara ini. Hanya BN sahaja yang mampu mewujudkan sebuah kerajaan yang kukuh," kata Perdana Menteri.

"Hanya BN mampu mempertahankan kedaulatan negara kita. Tidak ada parti lain yang mampu berbuat demikian," katanya ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Sekolah Menengah Guar Perahu, di sini.

Katanya jika parti lain selain daripada BN menang, parti-parti ini tidak akan dapat menubuhkan kerajaan yang kuat yang mampu menghadapi sebarang cabaran.

"Bila menang mereka akan tunduk kepada kuasa asing" kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata sokongan kepada parti lain bermakna menyokong orang asing dalam usaha mereka untuk menjajah negara ini semula.

Katanya walaupun orang asing ini cuba menidakkan yang mereka menyokong parti-parti pembangkang ataupun cuba menjajah semula negara ini, namun jelas mereka saban hari memberi sokongan kepada parti-parti pembangkang sebagai mana dapat dilihat menerusi media-media asing.

"Pelik juga PAS turut disokong orang asing. Orang asing sokong parti-parti seperti PAS dan Keadilan kerana bila jadi pemimpin, kerajaan yang memerintah itu merupakan kerajaan yang lemah, yang akan mudah dikongkong oleh orang asing," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan yang dipimpin BN dapat mengekalkan kemerdekaan dan kemajuan selama ini dan pasti negara akan kekal merdeka serta maju pada tahun-tahun akan datang jika rakyat terus memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada BN.

Beliau berkata segala usaha kerajaan BN dalam menghadapi dan mengatasi kegawatan ekonomi sekarang telah mencapai kejayaan besar walaupun usaha-usaha o dibuat oleh orang asing tertentu untuk melemahkan negara ini supaya menerima segala bantuan yang seterusnya akan menjadikan negara ini tunduk kepada mereka.

Perdana Menteri berkata seandainya kegawatan ekonomi yang teruk tidak dapat ditangani dengan baik, sudah pasti akan wujud satu keadaan yang menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat yang akhirnya boleh menyebabkan huru-hara sebagai mana berlaku di sebuah negara jiran.

"Apabila kegawatan berlaku dengan teruk, rakyat yang gelisah akan merusuh, merompak dan kadang-kadang sanggup melakukan pembunuhan," katanya.

Dr Mahathir berkata di negara ini kerajaan masih terus berusaha untuk menseimbangkan kekuatan ekonomi antara kaum tetapi kalau usaha ini gagal disebabkan kegawatan ekonomi, sudah tentu wujud kegelisahan di kalangan kaum yang terus miskin, yang akan merasa irihati terhadap kaum yang maju.

Walaupun usaha dibuat oleh orang tertentu supaya kerajaan mendapatkan bantuan IMF dalam menghadapi kegawatan itu namun pucuk pimpinan kerajaan tidak mudah terpedaya sebaliknya setelah memerah otak cara mana untuk memulihkan ekonomi, telah melakukan beberapa cara yang luar daripada cara kebiasaan, katanya.

"Kita tidak meminta bantuan orang asing sebaliknya kita telah melakukan sesuatu yang luar daripada biasa untuk menghidupkan balik ekonomi kita. Cara-cara ini terbukti berjaya yang menunjukkan kita boleh, Malaysia

Boleh," kata Perdana Menteri.

"Hari ini pelbagai pihak yang berkata kita akan hancur, kita akan rosak, kini mengakui bahawa cara kita telah menyelamatkan negara kita. Kini mereka pula meniru cara kita," katanya.

Mengenai pelaburan orang asing, Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelaburan asing yang serius tetapi Malaysia tidak mahu pelabur yang cuba mengaut keuntungan seperti bermain saham.

Para pelabur yang serius sentiasa dialu-alukan kerana mereka ini akan dapat meningkatkan ekonomi Malaysia dengan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Pelabur-pelabur serius ini didapati tidak pernah campurtangan dalam urusan negara. "Pelabur-pelabur seumpama ini dipersilakan datang," katanya.

Mengenai perhimpunan hari ini, Perdana Menteri gembira melihat begitu ramai rakyat daripada pelbagai golongan datang mendengar ucapannya walaupun dalam hujan lebat yang berlaku sebelum ketibaannya.

"Kehadiran dalam hujan ini memberi semangat dan perangsang yang lebih kuat kepada saya untuk terus memajukan negara ini di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA

AAH RON